

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

1

Apakah RHB Wealth Secure? (Ini adalah produk insurans)

RHB Wealth Secure menawarkan perlindungan insurans selama **15** tahun. Ia membayar Manfaat Kematian secara sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal semasa Tempoh Pendapatan Dilindungi.

Pelan ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. ("Syarikat").

2

Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 500,000.00 setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans hayat berikut:

Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sekiranya kematian/ HUMK Orang yang Diinsuranskan semasa Tempoh Pendapatan Dilindungi, kami akan membayar: a) Peratusan jumlah Premium Asas yang dibayar (tidak termasuk Premium Tambahan Berkala, jika dipilih) tolak jumlah GCP yang diisytiharkan terkini berdasarkan Tahun Polisi yang dinyatakan di bawah; dan <table><tr><th rowspan="2">Tahun Polisi</th><th colspan="2">Peratusan jumlah Premium Asas yang dibayar (tidak termasuk Premium Tambahan Berkala, jika dipilih)</th></tr><tr><th>Akibat Kemalangan</th><th>Bukan Akibat Kemalangan</th></tr><tr><td>1 hingga 2</td><td rowspan="2">105%</td><td>100%</td></tr><tr><td>3 dan seterusnya</td><td>105%</td></tr></table> b) Jumlah Nilai Dana (jika ada); dan c) Bayaran Tunai Terjamin terkumpul pada tarikh peristiwa (jika ada).			Tahun Polisi	Peratusan jumlah Premium Asas yang dibayar (tidak termasuk Premium Tambahan Berkala, jika dipilih)		Akibat Kemalangan	Bukan Akibat Kemalangan	1 hingga 2	105%	100%	3 dan seterusnya	105%					
Tahun Polisi	Peratusan jumlah Premium Asas yang dibayar (tidak termasuk Premium Tambahan Berkala, jika dipilih)																	
	Akibat Kemalangan	Bukan Akibat Kemalangan																
1 hingga 2	105%	100%																
3 dan seterusnya		105%																
Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan	Sekiranya kematian/ HUMK Orang yang Diinsuranskan sebelum ulang tahun di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut akibat Kemalangan dan semasa Tempoh Pendapatan Dilindungi, tambahan peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar: <table><tr><th>Peristiwa</th><th>Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan</th><th>Amaun Tambahan (RM)</th></tr><tr><td>a) Kematian/HUMK akibat Kemalangan selain daripada semasa menaiki Pengangkutan Awam dan Akibat Bencana Alam.</td><td>100%</td><td>500,000</td></tr><tr><td>b) Kematian/HUMK akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam.</td><td>200%</td><td>1,000,000</td></tr><tr><td>c) Kematian/HUMK akibat Kemalangan disebabkan oleh Bencana Alam.</td><td>300%</td><td>1,500,000</td></tr></table>			Peristiwa	Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Amaun Tambahan (RM)	a) Kematian/HUMK akibat Kemalangan selain daripada semasa menaiki Pengangkutan Awam dan Akibat Bencana Alam.	100%	500,000	b) Kematian/HUMK akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam.	200%	1,000,000	c) Kematian/HUMK akibat Kemalangan disebabkan oleh Bencana Alam.	300%	1,500,000			
Peristiwa	Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Amaun Tambahan (RM)																
a) Kematian/HUMK akibat Kemalangan selain daripada semasa menaiki Pengangkutan Awam dan Akibat Bencana Alam.	100%	500,000																
b) Kematian/HUMK akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam.	200%	1,000,000																
c) Kematian/HUMK akibat Kemalangan disebabkan oleh Bencana Alam.	300%	1,500,000																
Bayaran Tunai Terjamin (GCP)	Bayaran Tunai Terjamin (GCP) berjumlah peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan akan dibayar setiap akhir Tahun Polisi dan semasa Tempoh Pendapatan Dilindungi: <table><tr><th>Akhir Tahun Polisi</th><th>Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan</th><th>Amaun Tahunan (RM)</th></tr><tr><td>1 hingga 5</td><td>5%</td><td>25,000</td></tr><tr><td>6 hingga 10</td><td>10%</td><td>50,000</td></tr><tr><td>11 hingga 14</td><td>15%</td><td>75,000</td></tr><tr><td>15</td><td>255%</td><td>1,275,000</td></tr></table> Opsyen GCP yang dipilih: Opsyen GCP 1 Menerima			Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Amaun Tahunan (RM)	1 hingga 5	5%	25,000	6 hingga 10	10%	50,000	11 hingga 14	15%	75,000	15	255%	1,275,000
Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Amaun Tahunan (RM)																
1 hingga 5	5%	25,000																
6 hingga 10	10%	50,000																
11 hingga 14	15%	75,000																
15	255%	1,275,000																
Manfaat Kematangan	Jumlah Nilai Dana (jika ada) tambah Bayaran Tunai Terjamin yang dikumpulkan (jika ada) akan dibayar bersama dengan Bayaran Tunai Terjamin terakhir (jika ada).																	
Manfaat Ihsan (sekiranya RTU dipilih)	Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia pada tahun polisi 3 dan seterusnya dan semasa Tempoh Pendapatan Dilindungi, Manfaat Ihsan sebanyak RM 0 (i.e., 25% daripada Premium Tambahan Berkala tahunan), selepas tolak sebarang pengeluaran daripada Nilai Dana Pelaburan dalam tempoh 12 bulan yang lalu sebelum tarikh peristiwa akan dibayar.																	
Manfaat Dukacita (sekiranya RTU atau Opsyen GCP 4 Melabur dipilih)	Hanya terpakai semasa Tempoh Pertumbuhan Kekayaan dan hanya akan dibayar jika Nilai Dana Pelaburan Semula masih mempunyai baki positif. Jumlah sebanyak RM 5,000 (sebagai Manfaat Dukacita) dan Jumlah Nilai Dana akan dibayar apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia.																	
Insurans hayat anda mengecualikan : - Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian. - Jika HUMK disebabkan oleh keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan). Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Anda mesti merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian.																		
Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh :  Hubungi kami di : 03-2603 3999  E-mel kami di : customercare@tokiomarinelife.com.my																		

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak :			
Premium	RM 500,000.00 setiap tahun		
Tempoh Perlindungan Polisi: 15 tahun			
Tempoh Pembayaran Premium: 3 tahun			
Sekiranya RTU dipilih, syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.			
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit (sekiranya RTU dipilih)	Sila ambil perhatian bahawa jadual berikut diilustrasi dalam Mod Pembayaran Tahunan sahaja.		
	Tahun Polisi	Peratusan Peruntukkan (%)	Premium yang Diperuntukkan (RM)
	1 hingga 3	-	-
Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.			
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut :			
Caj Pengurusan Dana (sekiranya RTU atau Opsyen GCP 4 Melabur dipilih)	Sehingga 1.50% setahun aset dana anda, bergantung pada pilihan dana anda.		
Komisen	3.33% daripada premium atau RM 50,000, yang merupakan sebahagian daripada jumlah premium perlu dibayar.		
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0 setiap tahun		

4

Terma-terma yang Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan. - Jumlah Nilai Dana hanya terpakai sekiranya RTU atau Opsyen GCP 4 Melabur dipilih. Jumlah Nilai dana tidak dijamin dan bergantung pada prestasi dana Berkaitan Pelaburan yang dipilih. - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar Premium untuk membayar Premium Anda, di mana semasa tempoh ini, Polisi Anda masih berkuatkuasa. - Polisi Luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda mempunyai nilai tunai, dan pembayaran manfaat pada masa hadapan mungkin dipengaruhi. - Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK berlaku. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan. - Tempoh Pendapatan Dilindungi - Tempoh masa Bayaran Tunai Terjamin (GCP) perlu dibayar. - Tempoh Pertumbuhan Kekayaan - Tempoh masa bermula selepas tamat Tempoh Pendapatan Dilindungi. Hanya terpakai jika Opsyen GCP 4 Melabur dipilih. - Opsyen GCP - Jika polisi dikeluarkan dengan Opsyen 4, tiada perubahan seterusnya kepada Opsyen 1 atau Opsyen 2 dibenarkan. Jika polisi dikeluarkan dengan Opsyen 1 atau Opsyen 2, anda boleh kemudiannya bertukar antara Opsyen 1 dan Opsyen 2 semasa peringkat perkhidmatan polisi. Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.	
---	--

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak polisi anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan polisi, kami akan membayar balik jumlah daripada jumlah Premium Asas yang dibayar tanpa faedah, sebarang Nilai Unit yang telah diperuntukkan pada Harga Unit pada Tarikh Penilaian Seterusnya, sebarang premium yang belum diperuntukkan dan sebarang caj dan fi yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah kami tanggung semasa mengeluarkan polisi.
- Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada kami. Setelah pembatalan polisi, kami akan mengembalikan jumlah Bayaran Tunai Terjamin (GCP) terkumpul, Jumlah Nilai Dana dan Nilai Tunai, jika ada, tolak sebarang hutang.

MAKLUMAT PENTING: MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT. JUMLAH NILAI DANA TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN DAN BUKAN JENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA DANA PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN RISIKO, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN DARI DANA PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
--